

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW
(KEPONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.03.2015

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keadaan dan ramalan harga minyak, kekurangan pendapatan dari eksport dan keuntungan dari import.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Harga minyak mentah dunia (*Dated Brent*) berada pada purata USD57.93 setong pada Februari 2015, berbanding harga purata USD98.93 setong pada 2014.

2. Antara faktor penurunan harga minyak mentah global ini adalah disebabkan oleh lebih bekalan; permintaan global yang berkurangan; pengeluaran gas dan minyak shale yang meningkat di Amerika Syarikat (AS); serta pertambahan bekalan daripada negara-negara bukan Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC). Tambahan pula, negara OPEC enggan mengurangkan pengeluaran mereka bagi mengekalkan penguasaan pasaran. Penurunan harga minyak ini adalah di luar kawalan Kerajaan memandangkan ianya bergantung kepada bekalan dan permintaan global dan dijangka mengambil tempoh masa tertentu untuk kembali stabil. Bagi keseluruhan 2015, harga minyak mentah dunia dijangka berada pada paras USD55 setong.

3. Penurunan harga minyak dunia secara tidak langsung akan memberi manfaat kepada Malaysia yang merupakan negara pengimport bersih minyak dan produk petroleum. Selain itu, Malaysia juga dapat menikmati kos pengeluaran yang lebih rendah terutamanya bagi barangan pembuatan. Berdasarkan unjuran Bank Dunia, penurunan harga minyak mentah akan memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi global

dengan andaian KDNK dunia akan meningkat sehingga 0.5% sekiranya harga minyak merosot sebanyak 30%.

Tuan Yang Dipertua,

4. Meskipun berhadapan dengan persekitaran luar yang tidak menentu terutamanya dalam tempoh separuh kedua 2014, prestasi perdagangan luar kekal menggalakkan berikutan rakan niaga kebanyakannya adalah negara yang sedang pesat membangun di rantau Asia seperti China, Singapura dan Thailand yang merangkumi 31.5% daripada jumlah eksport negara (2005: 27.5%). Pada 2014, jumlah perdagangan negara telah meningkat sebanyak 5.9% kepada RM1.45 trilion, dengan eksport dan import berkembang sebanyak 6.4% dan 5.3%. Pertumbuhan eksport negara diterajui oleh sektor pembuatan terutamanya barangan elektrik dan elektronik (E&E), manakala import pula didorong oleh peningkatan barangan pengantara dan penggunaan.

5. Kesan negatif penurunan harga minyak dunia kepada hasil eksport bersih komoditi negara terutamanya minyak mentah dan LNG dapat

dikurangkan berikutan kepelbagaian produk dan pasaran eksport. Dengan prospek pertumbuhan ekonomi AS yang bertambah baik, permintaan bagi barangan pembuatan yang menyumbang sebanyak 76% kepada jumlah eksport dijangka terus mampan terutama produk E&E, kayu-kayan dan tekstil. Manakala, eksport komoditi hanya mewakili 23% daripada jumlah keseluruhan eksport.

6. Sehubungan itu, Kerajaan yakin dengan pelbagai inisiatif yang akan dilaksanakan, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang disokong oleh asas ekonomi domestik yang kukuh.